

Diplomasi cara terbaik

H. M. M. - 14/7/16 cm/s.24)

Malaysia mahu semua pihak selesai isu di Laut China Selatan dengan aman

Kuala Lumpur

Malaysia komited dan meminta semua pihak memastikan pelaksanaan yang berkesan terhadap Deklarasi Tatalaku (DOC) Pihak-Pihak di Laut China Selatan secara keseluruhannya serta kesimpulan awal mengenai Kod Tatalaku (COC) seperti yang dipersetujui antara China dan negara ASEAN.

Wisma Putra dalam kenyataan di sini berkata, Malaysia percaya semua

pihak berkaitan mampu menyelesaikan pertikaian secara aman dengan menghormati sepenuhnya proses diplomatik dan perundangan serta undang-undang antarabangsa dan Konvensyen Undang-Undang Laut Antarabangsa (UNCLOS) 1982.

"Malaysia percaya ia penting untuk mengekalkan keamanan, keselamatan dan kestabilan menerusi kawalan diri daripada menjalankan aktiviti yang mampu menambahkan kesulitan

atau meningkatkan ketegangan serta mengelakkan ancaman atau menggunakan kekerasan di Laut China Selatan," menurut kenyataan itu.

Kenyataan itu menambah bahawa Malaysia juga sedar Tribunal Timbang Tara di bawah Lampiran VII UNCLOS 1982 telah membuat keputusannya semalam.

Malaysia mahukan keamanan dan kestabilan di Laut China Selatan dan percaya China dan semua pihak yang berkaitan boleh mencari cara terbaik untuk mengadakan dialog yang sihat dan rundingan sambil menegakkan kedaulatan undang-undang untuk keamanan dan keselamatan di

FAKTA
Keputusan Tribunal Timbang Tara memihak kepada Filipina

rantau ini. Dalam keputusan bersejarah, Mahkamah Tetap Timbang Tara di The Hague semalam membuat keputusan yang tidak memihak kepada China dalam pertikaian maritimnya dengan Filipina. Ia memutuskan China tiada hak mengikut sejarah ke atas perairan yang kaya dengan sumber di Laut China Selatan itu serta mendapati China juga tiada alasan mengikut undang-undang untuk menuntut hak ke atas sumber

di sana atas alasan ia berada dalam garisan 'nine-dash'.

China yang tidak mengambil bahagian atau mengiktiraf perbicaraan itu sejak ia bermula tahun lalu, menganggap keputusan itu sebagai 'satu pihak' sahaja.

Berikutan keputusan itu, China dalam kenyataannya berkata, ia tidak menerima atau mengiktiraf keputusan tribunal berkenaan yang diadakan atas permintaan Filipina. - BERNAMA

